

ISU SITA HARTA LELAKI CULAS BAYAR NAFKAH

Mahkamah khas usaha positif bela nasib ibu tunggal, anak

BK/MS/12/19 MS 19 19/3/2019

→ Kaedah terbaik tangani masalah belenggu wanita bercerai

Oleh Zubir Mohd Yunus dan Halina Mohd Noor
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kewujudan Mahkamah Khas Perkahwinan, Hadhanah dan Nafkah yang dijangka beroperasi, pada Mei depan disifatkan sebagai langkah positif bagi membela nasib ribuan ibu tunggal dan anak yang teraniaya.

Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Nur Iman Kuala Lumpur dan Selangor (WITUS), Sheila Tukimin, berkata pelaksanaan itu dianggap kaedah terbaik menangani isu membenggu kebanyakan wanita sehingga sebilangannya bosan mahu menuntut nafkah.

"Saya sendiri hampir sembi-

lan tahun turun naik mahkamah untuk menuntut nafkah RM300 sebulan, tetapi gagal sebaliknya bekas suami hidup mewah dan mampu bercuti sehingga ke luar negara.

"Bekas suami bagi alasan lumpuh dan tidak boleh berjalan, saya ambil gambar untuk buktikan dia sihat dan bawa ke mahkamah tetapi masih tidak berkesan," katanya.

Operasi Mei

Beliau mengulas pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Muhajid Yusof mengenai Mahkamah Khas Perkahwinan, Hadhanah dan Nafkah, dijangka beroperasi, pada Mei depan mempunyai kuasa menyita harta suami yang culas membayar nafkah kepada bekas isteri.

Peruntukan itu terkandung dalam Kertas Kabinet yang dijadualkan dibentangkan kepada Jemaah Menteri bulan depan.

Sheila, 46, yang bercerai sejak 23 tahun lalu, berkata tuntutannya tidak pernah berjaya menyebabkan beliau nekad mencari pendapatan sendiri bagi membesarkan dua anaknya.

Katanya, kebanyakan bekas

suami menyimpan dendam kepada bekas isteri masing-masing, menyebabkan mereka sengaja mengelak membayar nafkah untuk anak.

Aktres terkenal, Rita Rudaini, 43, menganggap langkah mewujudkan mahkamah khas itu usaha terbaik dan seharusnya dipraktikkan sejak dahulu.

Katanya, bekas suaminya yang juga bintang bola sepak, Mohd Aidil Zafuan Abdul Radzak, 31, sering kali lewat membayar wang perbelanjaan untuk dua anaknya iaitu Airit Rayyan Rizqin, 10, dan Airit Qaqa Arjuna, 8.

"Mahkamah sudah memerintahkan nafkah perlu dibayar RM3,000 pada setiap lima hari bulan, tetapi sering kali lewat iaitu pada 15 hingga 17 hari bulan, pada setiap bulan.

"Satu Malaysia kenal Aidil Zafuan dan dapat mengagak pendapatan bulanannya, tetapi saya kesal apabila dia menyedihkan wang perbelanjaan anak berdasarkan keperluan mereka ketika berusia dua tahun seperti ditetapkan mahkamah.

"Tetapi sekarang mereka semakin membesar dan perbelanjaan mereka meningkat.

Oleh itu, bekas suami lari daripada tanggungjawab wajar disita hartanya," katanya.

Elak ditindas

Ibu tunggal, Zaisham Jasmin Samsuri, 34, berkata setuju seratus peratus akaun bekas suami dibekukan dan wang berkenaan disalurkan kepada anak yang sedang membesar.

Katanya, pengalamannya yang hampir tiga tahun berpisah dengan bekas suami amat perit apabila tidak mendapat sesen pun nafkah untuk dua anaknya berusia 10 tahun dan sembilan tahun.

"Hakim minta saya buat tuntutan nafkah, tetapi saya fikir apa guna saya failkan tuntutan kalau bekas suami tidak bekerja dan penganggur," katanya.

Cef selebriti, Serina Redzuan, 35, berkata tiba masanya bekas suami diberi pengajaran kerana menindas wanita walaupun berkerjaya.

"Saya berharap semua bekas suami lebih prihatin dan bertanggungjawab membela anak dan meringankan bekas isteri yang menjadi pemegang amanah menjaga zuriat mereka," katanya.